


PROGRAM PEMBANGUNAN LESTARI 2019

CAWANGAN ARKITEK, IPJKR MALAYSIA



CARTA ORGANISASI PEGAWAI PEMBANGUNAN LESTARI CAWANGAN ARKITEK



Wakil pegawai pembangunan lestari daripada setiap Bahagian adalah pegawai SPB yang juga bertanggungjawab untuk Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS).

CARTA ORGANISASI

PEGAWAI PEMBANGUNAN LESTARI CAWANGAN ARKITEK




PROGRAM

➤	AUDIT TAHAP PENCAHAYAAN SIANG DI RUANG PEJABAT CAWANGAN ARKITEK	01
➤	TAKLIMAT SPAS DAN PELAKSANAAN	02
➤	PELANCARAN LANDSCAPE DESIGNER TOOLKIT	03
➤	BENGKEL HANDS-ON pHJKR BAGI PROJEK - PROJEK DI CAWANGAN ARKITEK	04
➤	AUDIT DALAMAN SPB-SPAS EMS ISO 14001 : 2015	05
➤	PEMBANGUNAN KOMPETENSI : KURSUS QUALIFIED ASSESSOR MyCREST	06
➤	SEMINAR BAHAN BINAAN LESTARI & EXPERT TALK	07
➤	AUDIT SILANG EKSA 2019	08
➤	BENGKEL AUDIT REKABENTUK SEJAGAT UNTUK PROJEK - PROJEK JKR	09
➤	SEMINAR RUMPUN WARISAN	10
➤	PENJIMATAN TENAGA TANPA KOS	11

AUDIT TAHAP PENCAHAYAAN SIANG DI RUANG PEJABAT CAWANGAN ARKITEK



BACAAN LUX METER MENGIKUT WAKTU BACAAN DIAMBIL PADA BILIK-
BILIK PEGAWAI MENGIKUT LOKASI



Recommended average illuminance levels – Lighting for working interiors:

- **General offices, shops and stores, reading and writing : 300-400 lux**
- **Drawing office: 300-400 lux**

27 Sept - 1 Okt 2018

CAWANGAN ARKITEK

OBJEKTIF :

Untuk mendapatkan tahap pencahayaan siang yang masuk ke ruang pejabat ekoran beberapa aduan yang dibuat oleh pegawai akibat silau.

Tujuan audit adalah untuk mendapatkan data bagi menyokong permohonan Cawangan Arkitek untuk mendapatkan peruntukan bagi memasang bidai memandangkan bidai sedia ada kebanyakannya telah rosak.

TAKLIMAT PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR SPAS - MS 14001 DAN PELAKSANAAN



OBJEKTIF :

Memperkenalkan sistem SPB dan SPAS kepada kakitangan Cawangan Arkitek yang baru.

Memberi pendedahan mengenai dokumen SPB versi 5.0 yang terkini berkaitan dan tatacara pelaksanaan:

- SPK MS 9001:2015 DAN PELAKSANAAN
- SPAS MS14000:2015 DAN PELAKSANAAN
- PROSEDUR PERANCANGAN PELAKSANAAN PROJEK [JKR.PK(O).01]
- PROSEDUR REKABENTUK [JKR.PK(O).02]
- PROSEDUR ASPEK DAN IMPAK ALAM SEKITAR [JKR.PK(P).12]

28 FEBRUARI 2019

LAMAN ILMU,
CAWANGAN ARKITEK

PELANCARAN 'LANDSCAPE DESIGNER TOOLKIT'



4 MAC 2019

MENARA KKR



OBJEKTIF :

Produk 'Landscape Designer Toolkit' diperkenalkan sebagai satu inisiatif dalam mempercepatkan dan meningkatkan kualiti rekabentuk dan penghasilan lukisan landskap bagi tujuan pengemukaan tender dan kelulusan pihak berkuasa tempatan serta dapat menjimatkan kos pelantikan perunding arkitek landskap.

Secara tidak rasmi, '*Landscape Designer Toolkit*' ini telah mula digunakan sejak tahun 2018 selepas *soft launching* oleh mantan TKPKR, Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Mohd. Taha sempena Mesyuarat Arkitek 2018 bertempat di Auditorium Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM, Bandar Enstek, Sepang.

Pelancaran rasmi telah dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Bangunan merangkap Presiden Lembaga Arkitek Malaysia semasa Mesyuarat Arkitek Kanan 4 Mac 2019 yang diadakan di Menara KKR.

PELANCARAN 'LANDSCAPE DESIGNER TOOLKIT'



OBJEKTIF :

Produk '*Landscape Designer Toolkit*' dilengkapi buku SILARA JKR, buku rujukan pantas yang mengandungi senarai tumbuh-tumbuhan yang kebiasaannya digunakan sebagai pokok ameniti di dalam negara kita, set lukisan landskap lengkap dalam format AutoCAD serta Senarai Kuantiti kerja-kerja landskap yang dinamakan sebagai *BQ template* dan sebuah manual yang menerangkan secara terperinci cara-cara menggunakan *template* ini.

Kajian keberkesanan dilaksanakan, mendapati '*Landscape Designer Toolkit*' berpotensi dijadikan aplikasi mudah alih lengkap dengan anggaran kos bagi setiap pokok berserta template lukisan AutoCad, memasukkan juga lukisan konsep bagi trend landskap terkini dan menjadikan lukisan landskap/pokok dalam bentuk blok BIM.

4 MAC 2019

MENARA KKR

BENGKEL HANDS-ON pHJKR BAGI PROJEK - PROJEK DI CAWANGAN ARKITEK



OBJEKTIF :

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan khusus kepada para arkitek yang sedang melaksanakan projek-projek untuk memahami dengan lebih terperinci bagaimana penilaian pHJKR ini dilaksanakan.

Pendekatan program melalui pelaksanaan hands-on dan perbincangan secara dalam kumpulan mengikut projek-projek yang terpilih dari semua bahagian rekabentuk di cawangan arkitek. Hasil perbincangan dibentangkan selaras dengan penggunaan dan adaptasi pHJKR dalam rekabentuk bangunan untuk mencapai pembangunan yang lestari.

25 - 26 MAC 2019

CAWANGAN
ARKITEK

BENGKEL HANDS-ON pHJKR BAGI PROJEK - PROJEK DI CAWANGAN ARKITEK

Antara projek – projek yang telah dinilai dan diberi anggaran bintang berdasarkan skor penarafan hijau pHJKR semasa sesi bengkel dijalankan:

NAMA PROJEK & (KAEDAH PERLAKSANAAN)	SCORECARD (%) SENIBINA SAHAJA $x / 57 * 100$	SCORECARD (%) KESELURUHAN SASARAN MARKAH MR $x / 132$	ANGGARAN BINTANG
Pejabat Cawangan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Kuala Muda, Kedah. (Konvensional Dalam)	75%	43 / 132 = 33 %	★ ★
Hospital Parit Buntar Fasa 3 (76 Katil), Perak. (Konvensional Dalam)	84%	48/130 = 37%	★ ★
Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN), Kem Terendak, Melaka. (Reka dan Bina)	68%	39/ 132 = 30 %	★ ★

OBJEKTIF :

Antara kaedah yang dijalankan semasa bengkel adalah pengiraan teknikal yang cekap seperti pengiraan tenaga, haba, cahaya dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan hijau atau bangunan cekap tenaga serta memastikan pencapaian pemarkahan asas skop arkitek dalam rekabentuk bangunan hijau.

Sebanyak 22 projek telah dicalonkan daripada 8 unit rekabentuk di Cawangan Arkitek untuk pemilihan. Sebanyak 8 projek telah dipilih bagi mewakili setiap Bahagian Reka Bentuk Fasilitas.


Hasil pengiraan skor semasa sesi bengkel *hands-on* adalah seperti berikut:-

- Sebanyak 7 projek mendapat 2 bintang dan hanya 1 projek mendapat 1 bintang (bagi skop senibina sahaja)
- Semua projek mencapai peratusan markah lebih 60% bagi elemen senibina.

25-26 MAC 2019

LAMAN ILMU, CAWANGAN ARKITEK

AUDIT DALAMAN SPB-SPAS EMS ISO 14001 : 2015



PENCAPAIAN :

Mendapat skor P2SPAS sebanyak 83.33% semasa program Audit Dalaman SPAS bagi tahun 2018. Peningkatan pencapaian sebanyak 3.33% berbanding tahun 2017.

Senarai Projek Audit Dalaman SPAS 2019:

- Cadangan Pembinaan Pusat Tahanan Sementara, Tawau, Sabah
- Pembinaan Kompleks Perumahan Dan Bangunan Pentadbiran Batalion 20 Pasukan Gerakan Am Di Beluran, Sabah
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- Cadangan Pembinaan Rumah Kakitangan Pertubuhan Peladangan Kawasan, Tongod, Sabah
- Hospital Baru Lawas - Fasa 2b : Kerja-kerja Bangunan

10-12 APRIL 2019

CAWANGAN
ARKITEK

PEMBANGUNAN KOMPETENSI : KURSUS QUALIFIED ASSESSOR MyCREST



0	Submitted: Calculation of roof area is 580278 but no rain water harvesting system submitted and artificial grass is not considered as green roof.
2	Submitted: Calculation shows 64% of the area has light coloured and SRI at least 25, 2. Grass paved system that covered 60% of the car park area as shown in the landscape drawing.
0	Point claimed but no submittals
15	
Complied	Note: Submitted: OTTV Calculation report : OTTV=50W/m ² (42.50 W/m ²). Submission of RTTV is not related to this criteria because the building has no atrium (refer to MS 1525:2007).
Not complied	No evidence of U-Value calculations, specifications from manufacturers, details, drawings and RTTV calculations.
Complied	Submitted: Energy simulation report showing Advanced EE Performance BEI (BEI using GB requirement) & simulation using IES-VE software.



OBJEKTIF :

Meningkatkan kompetensi di dalam manual penarafan hijau MyCREST sebagai Qualified Assessor

15-18 April 2019

CIDB, SUNWAY
PUTRA

SEMINAR BAHAN BINAAN LESTARI & EXPERT TALK



OBJEKTIF :

HARI PERTAMA (24 April 2019)

Perkongsian Tuan Azhar Bin Rabu, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat IP Kuala Lumpur tentang pematuhan keperluan BOMBA UBBL 1984 dalam Senibina dan Rekabentuk.

Memantapkan pengetahuan tentang kesalahan yang biasa dilakukan semasa mengemukakan pelan kepada pihak BOMBA melalui kajian kes.

24 - 25 APRIL 2019

LAMAN ILMU,
CAWANGAN ARKITEK

SEMINAR BAHAN BINAAN LESTARI & EXPERT TALK



OBJEKTIF :

HARI KEDUA (25 April 2019)

Memperkenalkan produk-produk hijau baru di pasaran dan memantapkan pengetahuan mengenai produk bahan terkini.

Antara syarikat yang memberikan taklimat adalah Emir Bina Sdn. Bhd. tentang Ciri Dan Fungsi Keselamatan – Kunci, Pintu-akses (Trafik Bangunan) dan Sistem Dinding Panel untuk Hospital, BDC Concrete Sdn. Bhd. tentang *“Latest IBS Systems In Malaysia”*, SP. Ace Production Sdn. Bhd. tentang *“Aluminum Product For Government Buildings”*, Boss Seven Group Berhad tentang Produk *Celuka Lattice Composite (CLC)*, RUFFNTUFF, Rockwool Malaysia, Niro Granite, dan Alcom Aluminium.

Lesson learnt dan Do's and Don't dalam pemasangan atau pengaplikasian produk tersebut dalam projek semasa pembinaan.

24 - 25 APRIL 2019

LAMAN ILMU
CAWANGAN ARKITEK

PROGRAM AUDIT SILANG EKSA 2019


AMALAN TERBAIK (MENARA TIMA)

RUANG PEJABAT / WORKSTATION YANG KONDUSIF DAN BAIK



AMALAN TERBAIK (MENARA TIMA)

INSIATIF GO-GREEN



OBJEKTIF :

Mencapai pengiktirafan CEMERLANG di dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam merangkumi program 3R, pematuhan amalan pengurusan yang terkini dan juga arahan penjimatan

Audit Silang ini juga akan memberikan pengiktirafan kepada kriteria berikut mengikut Cawangan :

- Ruang Umum Terbaik
- Bilik Pegawai Terbaik
- Ruang Kerja (Workstation) Kakitangan Terbaik.

14-15 MEI 2019

CAWANGAN
ARKITEK

PROGRAM AUDIT SILANG EKSA 2019

AMALAN BAIK (MENARA TIMA)

PEMAPARAN SUDUT EKSA DI SETIAP ZON



OBJEKTIF :

Menyediakan Sudut EKSA dan *tagging* yang kemas (fizikal) dan mempunyai informasi yang lengkap

14-15 MEI 2019

CAWANGAN
ARKITEK

TATACARA PENGGUNAAN PETI SEJUK	
1. MAKANAN PERIBADI HANYA DIBENARKAN DISIMPAN SELAMA DUA HARI SAHAJA 2. MAKANAN YANG DISIMPAN MESTILAH BERTUTUP DAN TERSUSUN RAPI. 3. SEGERA SAPU ATAU LAP TUMPAHAN DI DALAM PETI SEJUK. 4. "PIC" BERHAK MEMBERI ARAHAN KEPADA PENGGUNA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB	
SUB ZON ORKID PAPHIOPEDILUM ARAHAN PENJIMATAN TENAGA	
LOKASI	BILIK PEGAWAI
ARAHAN	1. Laraskan suhu penghawa dingin pada 24 C – 26 C 2. Tutup semua pintu dan tingkap apabila penghawa dingin digunakan 3. Tutup semua suis lampu dan penghawa dingin apabila tiada di bilik 4. Tutup semua suis komputer apabila tidak digunakan 5. Tutup semua alatan elektrik pejabat sebelum pulang 6. Gunakan pencahayaan semulajadi



AUDIT TENAGA KOMPLEKS SERI BENDAHARA, MELAKA



17-19 Jun 2019

Kompleks Seri
Bendahara, Melaka

OBJEKTIF :

Menjalankan kerja-kerja audit bagi penjimatan tenaga bagi skop sistem pasif di Bangunan Kompleks Seri Bendahara Melaka untuk pengesyoran kepada langkah – langkah penjimatan tenaga secara rekabentuk pasif.

BENGKEL AUDIT REKABENTUK SEJAGAT UNTUK PROJEK - PROJEK JKR



OBJEKTIF :

Bengkel ini dilaksanakan bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada para pegawai di Cawangan Arkitek tentang rekabentuk kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) serta pematuhan dalam penggunaan MS1184:2014.

Format pelaksanaan bengkel ini adalah dengan mengabungkan sesi kuliah teknikal, sesi simulasi/demosntrasi dan sesi penilaian pelan rekabentuk secara *hands-on*. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yg. Bhg. Datin Ar. Hjh. Mariani Noor Bt. Suhud, Pengarah Kanan Cawangan Arkitek.



Ia juga memberi kefahaman tentang kaedah membaca lukisan pelan aksesibiliti, menyampaikan teknik dan strategi merekabentuk serta menilai kemudahan OKU dalam semua projek sama ada pembangunan baru atau retrofit bangunan lama serta memperkenalkan konsep bebas halangan serta cabaran yang dihadapi oleh OKU jika akses yang tidak sempurna disediakan.



25-26 JUN 2019

MENARA PJD,
IPJKR.

BENGKEL AUDIT REKABENTUK SEJAGAT UNTUK PROJEK - PROJEK JKR



25-26 JUN 2019

MENARA PJD,
IPJKR.

Bengkel dimulakan dengan ceramah '*Sustainability and Inclusivity in JKR project Implementation*' yang dikongsikan oleh Ar. Yong Razidah Rashid. Ceramah yang disampaikan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada perekabentuk JKR akan kepentingan mewujudkan persekitaran dan pembangunan yang inklusif.

Slot diteruskan dengan sesi *Ice Breaking* antara peserta dan penceramah. Peserta dibahagikan kepada empat (4) kumpulan dan setiap kumpulan diberikan isu dan situasi berkaitan rekabentuk kemudahan OKU di bangunan-bangunan kategori awam.

Setiap kumpulan perlu memberi syor teknikal, strategi penyelesaian isu dan cadangan penambahbaikan bagi mengatasi isu atau situasi yang diberikan. Pembentangan diadakan secara berkumpulan dengan menggunakan format lukisan dan lakaran secara manual

BENGKEL AUDIT REKABENTUK SEJAGAT UNTUK PROJEK - PROJEK JKR



25-26 JUN 2019

MENARA PJD, IPJKR.

Sesi kedua mengenai kuliah teknikal yang disampaikan oleh Prof. Dato' Sri Ar.Dr.Asiah Abdul Rahim. Ia memberi penekanan kepada aplikasi rekabentuk sejagat alam bina serta pematuhan standard (MS1184:2014), pemakaian Akta OKU 2008 dan UBBL 34A. Sesi kuliah juga menyentuh contoh-contoh amalan terbaik dalam perancangan rekabentuk sejagat daripada negara-negara lain.

Sesi seterusnya adalah Slot Simulasi dan *"How to read plan?"*. Dimana simulasi pengguna OKU menggunakan kemudahan harian dan kaedah membaca pelan. Sesi terakhir berbentuk *hands-on* dimana perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan mengikut projek tercalon.

Antara senarai projek yang tercalon untuk sesi bengkel :

- SMK Agama, Jerlun, Kedah
- Pusat Latihan Kemas, Kepala Batas, Pulau Pinang
- KK2 Compact (PAP)
- Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jasin, Melaka
- Kompleks Penyayang Kempas, Johor

SEMINAR RUMPUN WARISAN



3 Julai 2019

Mini Auditorium, Pusat
Pelancongan Malaysia (MATIC)

OBJEKTIF :

Perkongsian ilmu kepakaran konservasi di dalam bidang senibina bertemakan akar warisan. Menggalakkan pertukaran ilmu pengetahuan dan penyampaian ilmu berterusan dalam bidang konservasi dari konservator berdaftar dan kontraktor berdaftar, serta jabatan warisan negara.

Menanamkan sikap cintakan warisan negara serta meningkatkan kesedaran kepada kepentingan nilai warisan yang memberi impak besar kepada kelestarian negara melalui pengekaln bangunan warisan yang dipulih dan dipelihara.


Menekankan aspek penting dalam pemuliharaan bangunan warisan dari segi keaslian Bahan Binaan, Reka Bentuk, Kerja Binaan / Pertukangan dan Tataletak.

Memberi pengetahuan tentang definisi warisan secara umum dan khusus, kriteria warisan kebangsaan serta implikasi pemuliharaan tapak warisan negara


SEMINAR RUMPUN WARISAN



Slaid Dari Akar ke Rumpun : Inspirasi Kelestarian Bangunan Warisan yang disampaikan oleh Dr Mohd Sabere Bin Sulaiman



Slaid Pemuliharaan Bangunan : Tunjang Warisan Negara oleh Hj Shaari Mat Saod



Slaid Pendaftaran Bangunan Warisan oleh Puan Rokiah binti Abdul Samat


Sesi ceramah adalah seperti berikut:

- Sesi ceramah 1 - Dari Akar Ke Rumpun : Inspirasi Kelestarian Bangunan Warisan yang disampaikan oleh Dr Mohd Sabere Bin Sulaiman (SME Konservasi & Konservator dari Cawangan Arkitek)
- Sesi ceramah 2- Pemuliharaan Bangunan : Tunjang Warisan Negara oleh Hj Shaari Mat Saod (Konservator Berdaftar & Kontraktor Konservasi)
- Sesi ceramah 3 - Pendaftaran Bangunan Warisan oleh Puan Rokiah binti Abdul Samat, Bahagian Daftar Warisan, Jabatan Warisan Negara)

3 Julai 2019

Mini Auditorium, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC)

PENJIMATAN TENAGA TANPA KOS



AKTIVITI BERTERUSAN



CAWANGAN
ARKITEK

OBJEKTIF :

Aktiviti ini dilaksanakan sepanjang tahun melalui poster-poster penjimatan tenaga yang diedarkan di setiap bahagian di samping emel peringatan dari semasa ke semasa. Stiker penjimatan tenaga ditampal di setiap suis lampu juga sebagai langlah peringatan kepada semua kakitangan di Cawangan Arkitek.

SEKIAN, TERIMA KASIH